

PM dapat jaminan AS

BH-6/5/2006

Bush akan selesai krisis nuklear Iran secara diplomatik

Mohd Azlan Jaafar

di Austin, Texas



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam mendapat jaminan Presiden George W Bush bahawa krisis nuklear Iran akan diselesaikan menerusi saluran diplomatik.

Perdana Menteri, dalam perbualannya dengan Presiden Amerika Syarikat itu, menyatakan pendirian Malaysia dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bahawa rundingan dan penyelesaian diplomasi adalah kaedah penyelesaian terbaik isu itu.

Abdullah yang berada di sini bagi menghadiri Kongres Sedunia Mengenai Teknologi Maklumat 2006 (WCIT), dihubungi Bush dari Rumah Putih di Washington pada jam 8 pagi semalam bagi mengucapkan selamat datang ke Texas. Bush pernah menjadi Gabenor Texas.

Pada sidang media dengan wartawan Malaysia di sini petang semalam, Abdullah berkata, beliau memberitahu Bush bahawa Malaysia tidak meherang usaha Iran menggunakan tenaga nuklear untuk tujuan keamanan.

"Saya juga tegaskan adalah penting sekiranya rundingan diadakan dan penyelesaian diplomasi lebih baik berbanding pendekatan lain. Bush menyatakan persetujuan untuk mengutamakan perbincangan menggunakan saluran diplomatik sebagai saluran terbaik dalam hal ini," katanya.

Abdullah yang juga Pengerusi OIC dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) berkata, Malaysia tidak bersetuju jika tenaga nuklear digunakan untuk membuat bom atau senjata nuklear dan ia juga pendirian NAM.

AS dan beberapa negara Barat mahu Iran menghentikan program nuklearnya yang didakwa bertujuan menghasilkan bom atom.

Barat juga sedang berusaha mengemukakan resolusi di Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bang-

sa Bersatu (PBB) supaya Iran dikanak sekatan kerana gagal menghentikan kegiatan penyuraian uranium.

Iran bagaimanapun menegaskan program nuklearnya untuk keamanan dan menjana tenaga.

Selain mengenai isu nuklear Iran, Abdullah dan Bush turut bertukar pandangan mengenai isu Palestin dan harga minyak dunia.

Perdana Menteri berkata, adalah penting bagi Palestin dan Israel ber-

temu dan berbincang serta segala usaha harus ditumpukan bagi membolehkan pendekatan itu dimulakan.

"Sebarang tindakan memencilkan kerajaan yang dipilih rakyat di Palestin waktu ini tidak membawa penyelesaian kepada masalah yang wujud," katanya.

Mengenai harga minyak dunia, Abdullah dan Bush bersetuju usaha harus ditingkatkan bagi mencari sumber bahan bakar alternatif.

Perdana Menteri menyatakan bahawa Malaysia sudah memulakan inisiatif itu menerusi penggunaan biofuel yang mana minyak kelapa sawit menjadi ramuan utama.

Bagaimanapun, beliau turut memberitahu Bush ada pihak di AS cuba menghalang usaha itu dengan memburukkan minyak bio yang menggunakan minyak sawit.

"Ada golongan tertentu menyatakan keburukannya... buat cerita mengenai keburukan serta hendak kempen menentang (bahan bakar bio kelapa sawit) dan itu bukan satu pendekatan yang baik," katanya.

“Adalah penting rundingan diadakan dan penyelesaian diplomasi lebih baik berbanding pendekatan lain”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri